

KAEDAH TERJEMAHAN EKSPRESI DAN KINESIK

Melati Desa

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia

melati.desa@ppinang.uitm.edu.my/melatidesa@hotmail.com

ABSTRAK

Terjemahan yang baik merupakan sebuah terjemahan yang tidak berbau terjemahan dan bersifat sejadi. Sesuatu projek penterjemahan itu hendaklah dilakukan dengan mendasari kehendak pembaca sasaran. Untuk menghasilkan sebuah terjemahan yang dikatakan bersifat sejadi, penterjemah hendaklah menjalankan tugas terjemahan tersebut dengan menentukan kaedah, prinsip dan pendekatan tertentu. Dengan mendasari pendekatan yang dipilih, penterjemah bukan sahaja dapat memindahkan kata, tetapi emosi penulis asal juga amat penting untuk dihadirkan dalam teks terjemahan. Inilah yang dinamakan maksud asal penulis tidak menyimpang atau tidak hilang dalam proses terjemahan. Dalam terjemahan novel, elemen yang dipentingkan ialah isi terjemahan tersebut berbanding bentuknya. Dalam kertas kerja ini, beberapa kaedah terjemahan yang digunakan dikaji dalam usaha untuk memastikan mesej asal penulis sampai kepada pembaca sasaran. Antara kaedah yang dikupas ialah, kaedah parafrasa, transposisi, idiomatik, persamaan dinamik dan kaedah penerangan.

Keywords: *Kaedah terjemahan, pendekatan terjemahan, teks sumber, teks sasaran*

1.0 PENDAHULUAN

Satu terjemahan itu dikatakan baik, bermutu dan betul jika terjemahan tersebut dapat menepati kehendak pembaca sasaran. Oleh yang demikian, terjemahan yang betul sentiasa bermaksud menepati tujuannya dan mencapai kehendak kepenggunaannya. Sebagai contohnya, buku cerita atau novel dibaca untuk menghiburkan hati atau bersantai minda.

Maka gaya terjemahan buku cerita mestilah dapat menghiburkan atau tidak menambah beban pada pemikiran pembaca. Gaya bahasa dan teknik tertentu harus digunakan penterjemah agar terjemahannya berupaya menarik minat pembaca. Bukan itu sahaja, penterjemah perlu memberi keutamaan kepada reaksi pembaca terhadap teks terjemahan supaya reaksi pembaca adalah sama dengan yang dialami oleh pembaca teks sumber.

2.0 PENDEKATAN TERJEMAHAN

Adalah menjadi satu amalan bagi para penterjemah untuk mengenal pasti jenis teks sumber. Setelah berbuat demikian, penterjemah tersebut dapat menentukan kaedah, prinsip ataupun pendekatan yang bakal digunakan dalam menterjemah teks sumber tersebut kepada pembaca sasaran. Sebagai contoh, dalam amalan ilmu terjemahan, teks novel hendaklah diterjemahkan dengan menggunakan kaedah komunikatif dan dinamik.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Muhamad (2008), dalam terjemahan dinamik, aspek yang dipentingkan bukanlah jumlah perkataan, tetapi jumlah idea iaitu jumlah maklumat yang ingin disampaikan perlu sama, tidak terjadi maklumat yang tertinggal atau ditokok tambah dalam terjemahan tersebut. Teknik menyambung perkataan menjadi ayat, mencantum ayat kecil menjadi yang lebih kompleks, teknik menggunakan tanda baca dan menyelitkan simpulan bahasa atau perumpamaan amat mempengaruhi mutu sesebuah terjemahan. Ini adalah kerana, setiap bahasa itu ada keistimewaan penstrukturannya dalam menyampaikan sesuatu. Dalam terjemahan sastera seperti novel, cerita, pentas, enakdot, epilog, dan lebih-lebih lagi terjemahan puisi, penterjemah bukan saja memindahkan kata malah memindahkan emosi penulis ke dalam bahasa asing. Pemindahan ini memerlukan kemampuan memanipulasikan bahasa yang tidak rendah kemahirannya. Kemahiran tersebut boleh dianggap sebagai kayu ukur dalam menentukan sama ada kesan yang sama yang rasai oleh pembaca teks sumber dapat dirasai oleh pembaca teks sasaran. Dalam ulasan terjemahan berikut, hal berkaitan penyusunan kata dan mainan kata, pemindahan idea dan maklumat akan dianalisis bertujuan untuk menerangkan mengapa dan bagaimana penterjemah melakukan sedemikian dalam usaha untuk memastikan kesan yang sama dirasai oleh kedua-dua pembaca teks sumber dan teks terjemahan.

3.0 KAEDAH DAN ULASAN TERJEMAHAN

3.1 Teks Asal “Kuala Terengganu” (*Pleasures of Undiscovered Paradise*)

Petikan teks asal yang digunakan dalam terjemahan berjudul, “Kuala Terengganu” (*Pleasures of Undiscovered Paradise*)” yang ditulis oleh Stephanie Sta Maria yang menjadi bahan kajian adalah seperti di bawah:

KUALA TERENGGANU

PLEASURES OF AN UNDISCOVERED PARADISE.

WORDS: STEPHANIE STA. MARIA PHOTOGRAPHS: HBL NETWORK

The golden rule of travelling to Kuala Terengganu is to always push off in the morning, before the winding country road is assaulted by 18-wheeler trucks and buses. I found this out the hard way. A late night out delayed my journey until midday. The first hour was a breeze, but after exiting the Genting Sempah tunnel, the fancy road ends and it's a two-way lane right up to Karak town.

From Karak onwards, it was greenery all the way. I slowed down to enjoy the unfolding scene of rubber trees, palm oil plantations and secondary jungles peppered with *kampung* houses. Incidentally, my snail's pace also prevented many close encounters with the pedestrian train of cows and goats that seemed to magically materialise in my path. Passing the oil and gas towns of Kertih and Paka, I indulged in one of my favourite sights - gas fires burning through tall funnels, setting the evening ablaze with tall tongues of fiery flames.

I reached Kuala Terengganu or KT as it is commonly known, just after dusk. My first port of call the next day was the Central Market, locally known as Pasar Payang. Being the most popular tourist haunt and located along the Terengganu River, I figured it couldn't be too hard to find. Twenty minutes later, I was still poring over the map and eventually concluded that the market had been torn down.

Disappointed, I debated what to do when I felt someone slide up to me. City instinct kicked in and I clutched my money bag. A pair of trusting eyes met my glare. "Kak, nak keropok lekor? Panas ul. Sedap!" (Do you want some *keropok lekor*? It's still hot. Very yummy!) a young boy chirped, while balancing a tray containing the thick fish crackers.

3.2 Teks Terjemahan Kuala Terengganu (Khazanah Yang Belum Diterokai)

Terjemahan karya, “Kuala Terengganu” (Pleasures of Undiscovered Paradise) ke dalam bahasa Melayu adalah seperti di bawah:

Pedoman buat diriku, aku mesti memulakan perjalanan pada waktu pagi apabila pergi ke Kuala Terengganu, atau aku terpaksa bergelut dengan trak-trak besar beroda 18 dan bas-bas yang akan mencerooboh lalu menakluki jalan kampung yang berliku-liku. Itu pun aku ketahui setelah melalui pengalaman yang menyakitkan apabila aku bertolak pada lewat malam dan perjalanan tersebut berlarutan hingga ke tengah hari. Sejam pertama perjalanan diiringi tiupan angin sepoi-sepoi bahasa yang menyamankan, namun jalan yang “mengasyikkan” itu berakhir sebaik aku keluar dari terowong Genting Sempah, lalu dihubungkan pula oleh jalan dua hala hinggalah ke bandar Karak.

Dari Karak hingga ke tempat yang dituju, kiri kanan jalan dihiasi tumbuhan menghijau lagi menyegarkan mata memandang. Aku sengaja memperlambatkan kenderaan untuk menikmati pemandangan terbentang yang belum terusik, deretan pokok-pokok getah sesayup mata memandang, ladang kelapa sawit yang berbukit luasnya, hutan separa tebal diselang seli dengan taburan rumah-rumah kampung yang begitu sederhana binaannya. Syukurlah, mujur kerana aku memperlambatkan kereta hingga tidak ubah bergerak selambat siputlah, maka aku tidak terlanggar beberapa kawan lembu dan kambing yang entah dari mana munculnya lalu berkongsi jalan beriringan denganku. Sewaktu melalui Kertih dan Paka, dikenali sebagai pekan gas dan minyak, aku terpegun akan pemandangan yang amat menakjubkan – api gas berterusan terbakar dihujung menara-menara yang tinggi, kelihatan seolah-olah langit petang merah membakar disambar lidah-lidah yang menjulang mengeluarkan api.

Aku tiba di Kuala Terengganu atau dikenali sebagai KT selepas senja berlabuh. Persinggahan pertamaku keesokkan harinya ialah Pasar Besar, penduduk tempatan memanggilnya Pasar Payang. Aku mengandaikan tidak sukar untuk tiba di Pasar Payang kerana selain merupakan tempat tumpuan pelancungan yang paling digemari, kedudukannya di sepanjang Sungai Terengganu memudahkan aku mencarinya. Namun setelah dua puluh minit berlalu, aku masih membelek-belek peta cuba merangka-rangka tapak sebenar pasar, sehinggalah akhirnya aku berputus asa lalu membuat andaian bahawa Pasar Payang telah dirobohkan.

Dalam pada kekecewaan menyelinap ke dalam jiwaku, aku terasa seperti diperhatikan dan dihampiri seseorang, lantas berkira-kira apa yang patut aku lakukan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini. Ingatan akan kejadian ragut yang kerap berlaku di bandar menerpa ke fikiranku, ini mendorongku untuk menggenggam erat beg duitku. Tidak semena-mena mataku menangkap sepasang mata polos penuh keikhlasan memandang tepat ke mataku, “Kak, nak keropok lekor? Panas ni. Sedap!”, jaja seorang budak lelaki sambil menatang sebuah dulang yang penuh dengan keropok ikan yang dihiris tebal.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Ulasan Dapatan Terjemahan

Dapatan kajian dan analisis terjemahan adalah dibincangkan dalam seksyen ini seperti yang ditunjukkan di bawah:

No	Kaedah	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	Parafrasa dan transposisi	golden rule, push off, assaulted	Pedoman, mesti memulakan, bergelut
2	idiomatik	I found this out the hard way. A late night out delayed my journey until midday.	Itu pun aku ketahui setelah melalui pengalaman yang menyakitkan apabila aku bertolak pada lewat malam dan perjalanan tersebut berlarutan hingga ke tengah hari.
3	Persamaan dinamik	Unfolding scene, Pedestrian train of cows and goats, Greenery all the way	pemandangan terbentang yang belum terusik, beberapa kawan lembu dan kambing, tumbuhan menghijau lagi menyegarkan mata memandang
4	Penambahan	Snail pace	tidak ubah bergerak selambat siputlah
5	Penerangan/ penambahan	City instinct kicked in A pair of trusting eyes met my glare	akan kejadian ragut yang kerap berlaku di bandar menerpa ke fikiranku, Tidak semena-mena matakु menangkap sepasang mata polos penuh keikhlasan memandang tepat ke matakु

4.2 Kaedah Parafrasa dan Kaedah Transposisi

Menurut Dryden (1680) dalam Munday (2008), parafrasa merupakan kaedah untuk penterjemah mengekalkan idea dan pada masa yang sama cuba mengungkapkan dengan cara yang tersendiri. Oleh yang demikian beberapa frasa dalam teks sumber telah diterjemahkan dengan cara tersendiri namun tetap mengekalkan maksud penulis asal. Berikut adalah beberapa contoh terjemahan yang telah dikendalikan berdasarkan konsep parafrasa:

Teks sumber: *The golden rule of travelling to Kuala Terengganu is to always **push off** in the morning, before the winding country road is **assaulted** by 18-wheeler trucks and buses.*

Teks sasaran: *Pedoman buat diriku, aku **mesti** memulakan perjalanan pada waktu pagi apabila pergi ke Kuala Terengganu, atau aku terpaksa **bergelut** dengan trak-trak besar beroda 18 dan bas-bas...*

Sudah tentu teks sumber seperti yang tertera di atas tidak boleh sama sekali diterjemahkan secara literal. Terjemahan secara literal akan menghasilkan teks terjemahan yang mustahil difahami kerana susunan tatabahasa antara kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran adalah berlainan dalam menyampaikan maksud penulis.

Golden rule dalam teks sumber bererti **peraturan utama** atau **peraturan penting** diterjemahkan menjadi **pedoman**. Erti kata **peraturan** hadir dalam kata **pedoman**, walaupun tanpa perkataan **utama** atau **penting**, namun erti tersebut dengan sendirinya dimasukkan ke dalam frasa “**aku mesti...**” perkataan mesti dengan sendirinya telah mengandungi maksud **penting**, maka penterjemah tidak perlu mengulang perkataan tersebut kerana dalam peraturan bahasa Melayu, pengulangan perkataan tidak akan menghasilkan satu bacaan yang berbunyi indah.

Terjemahan parafrasa membawa maksud, memadai dengan memahami isi yang hendak disampaikan oleh penulis lalu penterjemah bebas mengolah maksud tersebut ke dalam bahasa sasaran. Maka adalah tidak mustahil terdapatnya teks terjemahan berbunyi indah melebihi teks sumber. Ini adalah kerana pengolahan tatabahasa amat bergantung kepada kepakaran penulis maupun penterjemah.

Bebalik kepada teks sasaran yang diulas tadi, penterjemah memilih menggunakan kaedah transposisi seperti yang digagaskan oleh Vinay dan Darbelnet (1958/1995 dalam Baker (2001)), yang menyatakan elemen kelainan susunan atau struktur tatabahasa didahulukan atau dikemudiankan tanpa mengubah maksud asal penulis. Kedua-dua sarjana tersebut juga menyatakan bahawa kaedah transposisi iaitu mengubah kata nama ke kata kerja, kata kerja ke kata sifat, kata sifat ke kata nama dan sebagainya adalah kaedah yang sering digunakan dalam terjemahan.

4.3 Unsur Idiomatik

Oleh kerana kesukaran menterjemahkan karya sastera disamping perlu untuk menjaga nilai agar menghasilkan kesan yang sama seperti karya asal, maka penterjemah mestilah memindahkan idea dan hal-hal umum karya sastera tersebut. Seperti yang digagaskan oleh Peter Newmark (1981), menyatakan bahawa penterjemahan melibatkan tiga proses asas iaitu proses penafsiran, proses analisis teks sumber dan diikuti oleh proses prosedur terjemahan.

Seperti yang disebut awal, proses menganalisis teks adalah penting, ini adalah kerana, apabila mentafsir teks sumber, penterjemah mestilah memberi tumpuan kepada makna teks sumber tersebut. Dengan berbuat demikian, penterjemah berupaya menyelami dan memahami keinginan atau kecenderungan perasaan yang hendak disampaikan oleh penulis asal. Bertitik tolak dari penganalisan inilah penterjemah dapat menentukan kaedah terjemahan untuk didasari, menetapkan gaya dan laras yang sesuai supaya menepati teks sumber dan pada masa yang sama memenuhi pula kehendak pembaca sasaran. Berikut disertakan beberapa contoh teks terjemahan yang telah diterjemahkan secara bebas, tidak berbau terjemahan dan lebih idiomatik dalam usaha untuk mengekalkan dan menyampaikan maksud penulis asal:

Teks sumber: *I found this out the hard way. A late night out delayed my journey until midday.*

Terjemahan literal: *Aku/saya jumpa ini keluar iaitu susah jalan. Satu malam keluar lambat saya/aku punya perjalanan sehingga tengah hari.*

Pengubahsuaian terjemahan literal: *Aku faham setelah melalui kesusahan. Bertolak pada lewat malam perjalanan makan masa hingga tengah hari.*

Teks sasaran: *Itu pun aku ketahui setelah melalui pengalaman yang menyakitkan apabila aku bertolak pada lewat malam dan perjalanan tersebut berlarutan hingga ke tengah hari.*

Penterjemah memilih untuk menggabungkan kedua-dua ayat pendek menjadi satu ayat yang lebih gramatis dengan menggunakan kaedah penambahan seperti menambahkan frasa **Itu pun, pengalaman yang menyakitkan** dan **berlarutan** untuk menghadirkan emosi dalam teks sasaran.

4.4 Kaedah Persamaan Dinamik dan Kaedah Penambahan

Kaedah persamaan yang digagaskan oleh Nida (1964) menyatakan bahawa penterjemah perlu memadankan dengan persamaan yang paling hampir dan bersahaja sama ada di peringkat leksikal, sintaktikal maupun wacana. Kaedah ini terutamanya diaplikasikan dalam menterjemah simpulan bahasa, peribahasa dan sebagainya. Kaedah ini digunakan supaya terjemahan tidak berbau terjemahan, pada masa yang sama dapat menyerlahkan ungkapan idiomatik yang bersesuaian dengan pembaca sasaran. Seperti yang disarankan oleh Nida, penterjemah menggunakan kaedah persamaan dinamik dan teknik penambahan. Berikut ialah petikan dari teks sumber, diikuti oleh petikan teks terjemahan dan disertakan ulasan terjemahan berdasarkan kaedah persamaan dinamik dan teknik penambahan:

Teks sumber: Unfolding scene

Teks sasaran: pemandangan terbentang yang belum terusik

Teks sumber: Pedestrian train of cows and goats

Teks sasaran: beberapa kawan lembu dan kambing

Frasa *pedestrian train* digunakan oleh penulis asal untuk menggambarkan pergerakan yang bertali arus, penterjemah memadankan dengan penggunaan penjodoh bilangan **beberapa kawan**, dianggap memadai untuk memaparkan **kawanan lembu/kambing** yang banyak berjalan perlahan. Dalam konteks Malaysia, pemandangan sebegini terdapat di mana-mana di kawasan pedalaman dan struktur ayat **beberapa kawan lembu/kambing** dikatakan berjaya untuk membawa angan pembaca sasaran dalam menggambarkan suasana tersebut.

Teks sumber: Greenery all the way

Teks sasaran: kiri kanan jalan dihiasi tumbuhan menghijau lagi menyegarkan mata memandang

Penterjemah mengaplikasikan teknik penambahan **lagi menyegarkan mata memandang** kerana berpendapat penambahan tersebut berfungsi sebagai pengukuhan dalam menerangkan frasa **menghijau**. Teknik penambahan dianggap oleh penterjemah sebagai elemen yang berjaya untuk menerbitkan emosi tenang, nyaman, damai dan segar dalam minda pembaca sasaran.

Teks sumber: snail pace

Teks sasaran: memperlahankan kereta hingga tidak ubah bergerak selambat siputlah

Frasa *Snail pace* bererti bergerak perlahan seperti siput, penterjemah menterjemah berdasarkan teknik penerangan, iaitu ayat **tidak ubah bergerak selambat siputlah** bertujuan untuk mengindahkan bahasa dalam usaha untuk menghasilkan kesan maksima dalam gambaran pembaca sasaran. Ini adalah kerana, jika diterjemahkan menjadi **bergerak perlahan seperti siput**, terjemahan ayat penyata tersebut berbunyi kaku dan tidak begitu indah dibaca atau tidak sedap didengar berbanding dengan ayat terjemahan **tidak ubah bergerak selambat siputlah**.

Teks sumber: City instinct kicked in

Teks sasaran: akan kejadian ragut yang kerap berlaku di bandar menerpa ke fikiranku

Teks sumber: A pair of trusting eyes met my glare

Teks sasaran: Tidak semena-mena mataku menangkap sepasang mata polos penuh keikhlasan memandang tepat ke mataku

Dalam contoh terjemahan kedua terakhir, **akan kejadian ragut yang kerap berlaku di bandar menerpa ke fikiranku**, dan terjemahan ayat terakhir elemen kinesik, **tidak semena-mena mataku menangkap sepasang mata polos penuh keikhlasan memandang tepat ke mataku**, penterjemah sekali lagi menggunakan persamaan sejadi, teknik penambahan dan penerangan. **City instinct** diterjemahkan berpandukan kaedah penerangan kepada **kejadian ragut yang kerap berlaku di bandar** berjaya menerangkan bahawa penulis sememangnya berasal dan menetap di bandar, maka gejala ragut dan seumpamanya merupakan satu fenomena yang lazim berlaku di persekitaran tempat tinggal penulis. Ayat yang bersifat kinesik, **tidak semena-mena mataku menangkap sepasang mata polos pula** diterjemahkan daripada *A pair of trusting eyes met my glare*. Frasa **tidak semena-mena** ditambah bertujuan supaya pembaca dapat menyelami suasana perlakuan dan emosi penulis ketika itu. **Tidak semena-mena** merupakan ungkapan yang merujuk kepada satu perlakuan yang tidak diduga atau tidak dirancang, diikuti dengan frasa **menangkap** dianggap dapat melengkapkan struktur tatabahasa terjemahan dan pada masa yang sama tidak menyimpang malah menepati maksud penulis asal.

5.0 Rumusan

Sebelum melakukan proses penterjemahan, penganalisisan teks haruslah dijalankan demi memadankan kaedah terjemahan yang bersesuaian dengan jenis dan fungsi teks sumber. Walaupun sebenarnya tidak ada asas untuk membezakan tugas penterjemah teks sastera atau penterjemah teks teknikal, tetapi kesemua penterjemah hendaklah mampu menulis dengan

baik. Ini adalah kerana, sekiranya penterjemah tidak mampu menguasai bahasa sasaran dan kurang berkemahiran dalam menghasilkan teks yang baik, teks terjemahan yang dihasilkan mungkin dianggap buruk dan akan berbunyi janggal.

Terjemahan sastera memerlukan pendekatan yang berbeza berbanding terjemahan teks agama atau teks teknikal. Istilah sastera seperti bahasa kiasan, unsur metafora, personifikasi dan sebagainya yang kerap terdapat dalam novel digunakan oleh penulis asal bertujuan untuk mendapatkan satu kesan yang perlu dikekalkan dalam terjemahan. Lazimnya, fungsi bahasa dalam teks sastera seperti novel, cerita, dan kisah cinta adalah cuba untuk menyampaikan perasaan atau mengandungi unsur membujuk yang dikatakan dapat mempengaruhi emosi pembaca. Nilai estetik dalam teks-teks yang disebut tadi ditulis adalah untuk dihayati bentuknya, maka adalah menjadi tugas penterjemah untuk menterjemahkannya mengikut prinsip dan bentuk asal dengan mengekalkan mainan kata. Sekiranya mustahil mainan kata dikekalkan, pilihan lain adalah dengan menggunakan kiasan bertujuan untuk meninggalkan kesan estetik yang sama pada pembaca teks sasaran. Kesimpulannya, penterjemah bebas memperkenalkan mainan kata yang difahami oleh pembaca sasaran walaupun tidak terdapat dalam bahasa sumber dalam usaha untuk menyampaikan mesej dan meninggalkan kesan yang sama pada pembaca teks sasaran.

6.0 REFERENCES

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2008). Teori dan Teknik Terjemahan. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Baker, M. (2001). Routledge Encyclopedia Translation Studies. London and New York: Routledge.
- Newmark, P. (1981). Approach to Translation. Oxford and New York: Pergamon Press.
- Nida, E.A. (1964). Toward a Science of Translating. Leiden: E. J. Brill.
- Munday, J. (2008). Introducing Translation Studies, Theories and Applications, Second edition. London and New York: Routledge.
- Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin, & Zuraidah Jantan. (2008). Pengantar Prinsip Penterjemahan. Petaling Jaya, Malaysia: August Publishing Sdn. Bhd.